

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 5/12/2010

UM - 5/12/2010
Pengurangan subsidi bahan api, gula tidak dapat dielakkan

Rakyat wajar terima

MAHA INTERNATIONAL 2010

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
rafie.azimi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 4 Dis. – Rakyat perlu menerima bahawa penyalarsan subsidi bahan api dan gula semalam adalah sesuatu yang tidak dapat dielak serta mampu membawa kebaikan jangka panjang kepada negara.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau secara peribadi berpendapat subsidi diberikan kerajaan selama ini harus dikurangkan sedikit demi sedikit agar lebih banyak dana dapat disalurkan kepada pembangunan negara.

“Kita kena terima bahawa kenaikan harga ini bukan kerana kita. Kesemua barang itu diimport dan kita tiada kuasa untuk menurunkan harga barangan import.

“Memang kita ada subsidi tetapi perlu diingat bahawa ia hanyalah sebagai tampungan (support) saja. Kalau semua wang negara dihabiskan ke situ, pembangunan lain tidak perulah,” katanya.

Beliau berkata cemikian pada sidang akhbar selepas melawat ke Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2(10) di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang



DR. Mahathir Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali tertarik dengan udang kara selepas mendengar penerangan Presiden Al-Munawarah Global, Zikri Hasbullah (kiri) semasa melawat MAHA 2010 di Serdang, semalam.

(Maeps) di sini hari ini.

Turut mengifingi beliau, isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Ba-

harum serta Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Badruddin Amiruldin.

Mengambil England sebagai contoh, Dr. Mahathir berkata, negara itu bukan

saja tidak memberi subsidi malah mengenakan cukai terhadap minyak kerana menyedari lebih baik wang negara digunakan untuk pembangunan berbanding pemberian subsidi.